

# Ringgit cecah paras terendah sejak November

KHAMIS 16/8/18 BERITA HARIAN M/S 25

➔ Malaysia antara negara ekonomi baru muncul terima impak kejatuhan mata wang Turki



Anthony Dass

Oleh Amir Hisyam Rasid  
bhbiz@nstp.com.my

**P**enurunan drastik nilai mata wang lira Turki yang menjunam lebih 70 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) tahun ini mula memberi kesan kepada mata wang negara ekonomi baru muncul termasuk Malaysia.

Semalam, nilai ringgit mencatat penyusutan berbanding dolar AS untuk ditutup pada paras terendah sejak tahun lalu berikutan kebimbangan geopolitik rentetan kejatuhan mendadak nilai lira.

Mata wang tempatan itu susut kira-kira 0.2 peratus dan mencecah paras RM4.10 berbanding dolar AS, buat kali pertama sejak November tahun lalu.

Ia menjadi mata wang keempat mempamerkan prestasi terburuk dalam kalangan negara Asia setakat petang semalam, hanya di belakang dolar Singapura, won Korea dan yuan China.

Ringgit bukan satu-satunya

mata wang yang mengalami kejatuhan. Semua mata wang pasaran baru muncul menghadapi nasib sama, sama ada jatuh atau kekal tidak berubah pada Selasa.

Penganalisis berkata, krisis lira muncul dengan kejatuhan aset berisiko yang cenderung kepada aset selamat seperti dolar AS dan yen Jepun, menyebabkan nilai ringgit jatuh.

Ketua Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata kejatuhan ketara lira sebanyak 70.6 peratus pada tahun ini dan peningkatan kos menginsuranskan kemungkiran hutang lima tahun mencecah paras tertinggi sejak April 2009, telah mencetuskan kebimbangan potensi berlakunya krisis.

Justeru, risiko untuk potensi krisis di pasaran baru muncul berlaku tidak boleh diketepikan, katanya.

"Negara yang mempunyai jumlah hutang yang besar dalam dolar AS akan mengalami tekanan yang kuat ekoran daripada

## PRESTASI MATAWANG SETAKAT 7.15 PETANG SEMALAM

MATAWANG	PERUBAHAN SEHARI SEJAK SELASA (%)
➔ DOLAR HONGKONG	0
➔ RUPEE INDIA	0.05
➔ RUPIAH INDONESIA	0.05
➔ YEN JEPUN	-0.09
➔ PESO FILIPINA	-0.10
➔ DOLAR TAIWAN	-0.20
➔ THAI BAHT	-0.20
➔ RINGGIT MALAYSIA	-0.20
➔ DOLAR SINGAPURA	-0.22
➔ WON KOREA SELATAN	-0.37
➔ RENMINBI CHINA	-0.42

GRAFIK BH

pengukuhan dolar AS dan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS.

"Selain Turki, risiko untuk ia terjadi sama di Argentina, Filipina, Brazil, Indonesia, Mexico dan Malaysia," katanya.

### Hutang awam tinggi

Dass berkata, kelemahan terhadap ringgit sebahagiannya disebabkan oleh hutang awam yang tinggi kira-kira 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pembiayaan kasar yang memerlukan sekitar 10.4 peratus daripada KDNK dan bon yang akan matang pada tahun 2019 bernilai kira-kira AS\$80 bilion.

Ketua Penyelidik MIDF Research, Dr Kamaruddin Mohd Nor, berkata pengukuhan dolar AS yang meluas di tengah-tengah ketidakpastian perdagangan dan geopolitik beberapa bulan kebelakangan ini adalah punca utama kejatuhan ringgit.

"Bagi krisis lira, risiko segera terhadap ekonomi sedang pesat

membangun adalah yang mendorong kepada pengukuhan dolar AS. Indeks dolar telah melepasi 52 minggu tinggi dan memperoleh lima peratus tahun sehingga kini," katanya kepada *Bisnes NSTP*.

Ketua Ahli Ekonomi Alliance Bank Malaysia Bhd, Manokaran Mottain, berkata penjualan ringgit adalah disebabkan oleh sentimen dan kebimbangan.

"Kami masih menjangkakan nilai ringgit pada kadar RM4.10 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini, selepas ia melemah dalam jangka pendek," katanya ketika dihubungi.

Pensyarah kanan Putra Business School, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula percaya kejatuhan lira tidak akan mempunyai impak jangka panjang kepada ringgit.

Katanya, Malaysia kini berada pada kedudukan lebih baik untuk menyerap kejutan luaran dengan rizab tukaran mata wang asing yang lebih kukuh dan dasar fiskal dan monetari yang lebih cermat.